

Perdana Menteri jelaskan tujuan Malaysia sertai industri membuat kereta

UM 23 AUG 1985

KUCHING 22 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan langkah Malaysia menyertai industri membuat kereta bertujuan mencari pengalaman dan kepakaran dalam industri kejuruteraan dan logam.

Perdana Menteri berkata, projek Proton Saga merupakan langkah permulaan kerajaan memperkembangkan industri tersebut.

"Saya telah ditanya kenapa Malaysia mengeluarkan kereta sedangkan kita akan menghadapi masalah memandangkan pasarannya belum pasti. Bagi saya, jawapannya adalah sama dengan objektif negara-negara pengeluar kereta yang lain," jelasnya.

Beliau menegaskan demikian ketika berucap melancarkan pemasangan terak oleh kumpulan Inchcape di kilang di Sarawak Motor Industries di sini semalam.

Katanya, negara memang akan menghadapi masalah pemasaran tetapi dalam jangka panjang, negara akan mendapat faedah terutamanya dari segi pengetahuan dan kepakaran teknikal dalam kejuruteraan kereta.

Beliau yakin objektif Malaysia akan tercapai jika

usaha mengembangkan sektor perindustrian dijalankan dengan lincis dan sistematik.

Sementara itu, Perdana Menteri dijangka mengumumkan harga Proton Saga sebelum beliau pulang ke Kuala Lumpur, lusa.